

SULIT



JAWATANKUASA PENINGKATAN AKADEMIK  
MAJLIS GURU BESAR NEGERI SEMBILAN

**PRA UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH-SIRI 1 / 2019**

**BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN**

**011**

**Julai**

**1¼ jam**

**Satu jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Kamu dikehendaki menjawab semua soalan dalam kedua-dua bahagian ini.*
3. *Bagi Bahagian A, setiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan. Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
4. *Bagi Bahagian B, jawab semua soalan dalam ruang jawapan yang disediakan. Ceraikan Bahagian B daripada kertas soalan ini.*

---

**Kertas soalan ini mengandungi 8 bercetak di Bahagian A.**

SULIT

2

**Bahagian A**  
[20 markah]

**Soalan 1 hingga 11**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Yang Berhormat Datuk Zamarul dijangka tiba di Indonesia esok. \_\_\_\_\_ akan bertemu dengan Presiden Indonesia.
- A Baginda
  - B Beliau
  - C Mereka
  - D Dia
- 2 Razak \_\_\_\_\_ sup ayam yang masih panas itu perlahan-lahan menggunakan sudu.
- A meneguk
  - B menyedut
  - C menghirup
  - D mengemam
- 3 Pada waktu malam, Bandar Raya Kuala Lumpur \_\_\_\_\_ disinari cahaya lampu.
- A gilang-gemilang
  - B hingar-bingar
  - C dentam-dentum
  - D terang-benderang

[Lihat halaman sebelah

- 4 Laksamana: Bolehkah hamba menghadap Sultan Muzaffar Syah?  
Bendahara : Mohon maaf, laksamana. Baginda masih \_\_\_\_\_. Mohon rakyat jelata mendoakan kesembuhan baginda dengan segera.
- A beradu
  - B bersiram
  - C mangkat
  - D gering

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.



- 5 Razmirul dan Wasim menyewa \_\_\_\_\_ sampan di Taman Tasik Titiwangsa untuk menikmati pemandangan yang indah.
- A sebuah
  - B sebutir
  - C sekotak
  - D sebiji
- 6 Adam menelefon ibunya di kampung untuk \_\_\_\_\_ khabar.
- A bertanya
  - B menanya
  - C bertanyakan
  - D menanyakan

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 7 Pokok \_\_\_\_\_ di belakang rumah Hazim telah ditebang untuk keselamatan keluarganya.
- A duit-duit
  - B kabu-kabu
  - C dalu-dalu
  - D ati-ati
- 8 Hidayah \_\_\_\_\_ berbual-bual walaupun namanya telah dipanggil berkali-kali oleh urus setia.
- A sedang
  - B hendak
  - C masih
  - D akan
- 9 Sifat pemurah Haris sama seperti ayahnya yang suka memberi sumbangan kepada orang susah.
- Peribahasa yang sesuai untuk pernyataan di atas ialah
- A pelanduk dua serupa
  - B bagaimana acuan begitulah kuihnya
  - C belakang parang diasah lagikan tajam
  - D patah tumbuh hilang berganti
- 10 Program Cakna Bahasa itu hanya melibatkan \_\_\_\_\_ orang murid tahun 4.
- A setiap
  - B semua
  - C setengah
  - D beberapa

[Lihat halaman sebelah

- 11 Kakak menjalani sesi \_\_\_\_\_ sebelum ditawarkan jawatan sebagai akauntan.
- A ramah mesra
  - B budi bicara
  - C temu janji
  - D temu duga
- 12 Setiap peserta dikehendaki menghantar borang yang telah diisi dengan lengkap sebelum tarikh tutup pertandingan.
- Pilih perkataan sinonim bagi lengkap.*
- A jelas
  - B betul
  - C kemas
  - D sempurna
- 13 *Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*
- Cikgu Lim berkata, "Kalian haruslah berdisiplin dan bekerjasama agar pasukan ragbi sekolah kita beroleh kemenangan."
- A Cikgu Lim menasihatinya agar berdisiplin dan bekerjasama dengan pemain agar pasukan ragbi sekolah mereka beroleh kemenangan.
  - B Pemain-pemain Cikgu Lim menerima arahan agar berdisiplin dan bekerjasama supaya pasukan sekolah mereka memenangi perlawanan ragbi.
  - C Para pemain diminta berdisiplin dan bekerjasama dengan Cikgu Lim agar pasukan sekolah mereka memenangi perlawanan ragbi.
  - D Cikgu Lim menasihati para pemain berdisiplin dan bekerjasama agar pasukan ragbi sekolah mereka beroleh kemenangan.

[Lihat halaman sebelah

14 *Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya yang diberikan.*

Siapakah yang akan mengetuai bacaan ikrar pada kejohanan olahraga daerah?

- A Farid gembira kerana dipilih mengetuai bacaan ikrar kejohanan olahraga daerah.
- B Ya, Farid yang dipilih mengetuai bacaan ikrar pada kejohanan olahraga daerah.
- C Farid yang akan mengetuai bacaan ikrar pada kejohanan olahraga daerah.
- D Bacaan ikrar kejohanan olahraga daerah sering diketuai oleh Farid.

15 *Pilih ayat yang betul.*

- A Oleh kerana demam, Azlan tidak hadir ke sekolah.
- B Gasingnya terbelah dua bila dipangkah pihak lawan.
- C Dia berlari kencang sewaktu dikejar lembu yang naik minyak.
- D Beliau memberikan cadangan bemas di dalam mesyuarat itu.

[Lihat halaman sebelah

**Soalan 16 hingga 20**

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pokok misai kucing atau nama saintifiknya *Orthosiphon stamineus Benth* ialah sejenis pokok herba renek yang banyak terdapat di Asia Tenggara. Misai kucing juga turut terkenal dengan pelbagai nama seperti Remujung, Aristatus, Kumis Kucing, *Kidney Tea* dan *Java Tea*. Tumbuhan ini sangat terkenal kerana pelbagai khasiatnya sejak *turun-temurun*.

Pokok misai kucing merupakan sejenis pokok berbunga dan sering ditanam sebagai pokok perhiasan. Pokok ini boleh mencapai ketinggian sehingga 1.5 meter. Tumbuhan ini mempunyai batang yang berbentuk segi empat, tumbuh tegak, bercabang-cabang dan berwarna kemerah-merahan. Daunnya pula berwarna hijau, berbentuk tirus dan licin. Tangkai daun misai kucing ini pendek lebih kurang 0.3 cm panjang dan berwarna ungu kemerah-merahan. Bunganya berwarna putih kebiru-biruan dengan filamen yang panjang seperti misai kucing.

Walaupun misai kucing ini berasal dari rantau Asia Tenggara, namun masyarakat Barat telah menemui khasiatnya terlebih dahulu. Semasa penjajahan Belanda di Indonesia, mereka menjadikan herba ini seperti serbuk teh sebagai minuman kesihatan.

Setelah menyedari khasiat tumbuhan ini, mereka membawa pulang ke Eropah. Setelah lebih dua ratus tahun kemudiannya, pokok ini ditanam secara meluas dan digunakan oleh pakar-pakar herba dari Belanda, England, Perancis dan Jerman.

Mengikut kajian yang dibuat, daunnya yang sudah dikeringkan adalah bersifat diuretik dan membantu menyingkirkan asid urik yang berlebihan di dalam badan dan melawaskan pembuangan air kecil. Selain itu, amalan meminum teh herba pokok ini juga turut mampu merawat penyakit gout, reumatisme, artritis, kencing manis, mencegah pembentukan batu karang, mengurangkan kolesterol dan mengawal tekanan darah tinggi.

16 Rangkai kata *turun-temurun* dalam petikan bermaksud

- A perkara yang diwarisi.
- B kepercayaan lama.
- C nenek moyang.
- D zaman silam.

[Lihat halaman sebelah

SULIT

17. Mengapakah pokok misai kucing dipanggil sedemikian?
- A Bersifat renek.
  - B Ditanam sebagai pokok hiasan.
  - C Bunga yang mempunyai filamen.
  - D Berasal dari rantau Asia Tenggara.
18. Berdasarkan kajian, pokok misai kucing tidak mampu merawat penyakit
- A Arthritis.
  - B Kencing manis.
  - C Kencing berlebihan.
  - D Mengawal tekanan darah tinggi.
19. Yang manakah bukan sifat fizikal pokok misai kucing?
- A Batang berbentuk segi empat dan berwarna ungu kemerah-merahan.
  - B Tangkai daun berwarna ungu kemerah-merahan.
  - C Ketinggian pokok sehingga 1.5 meter.
  - D Bunga berwarna putih kebiru-biruan.
20. Pilih pernyataan yang benar tentang petikan.
- A Orang Barat telah mengetahui khasiat teh herba sejak dua dekad yang lalu.
  - B Semasa penjajahan Perancis, mereka menjadikan daun misai kucing sebagai serbuk teh.
  - C Pokok misai kucing ditanam oleh pakar-pakar herba di Belanda, England, Perancis dan Jerman.
  - D Meminum serbuk daun misai kucing yang dikeringkan membantu menyingkirkan asid unik berlebihan di dalam badan.

BAHAGIAN A TAMAT